

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [BAKRI]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN YEO BEE YIN [BAKRI]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan perkembangan tentang pendrafan dan pembentangan Akta Kecekapan dan Konservasi Negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) sedang menggubal Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga sebagai kerangka perundangan untuk mengawal selia dan menyokong pelaksanaan inisiatif kecekapan tenaga secara menyeluruh khususnya untuk pengguna elektrik berintensiti tinggi dalam sektor industri dan komersial.
2. Pada masa ini, draf Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga sedang dalam peringkat semakan akhir di peringkat Jabatan Peguam Negara (AGC). Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga dijangka akan dikemukakan untuk bacaan kali pertama di Parlimen pada tahun 2022.

Sekian, terima kasih.